A Singapore Government Agency Website

NewspaperSG DIGITISED NEWSPAPER SEARCH TERM VISUALISER SAVED CITATIONS MICROFILM CATALOGUE

Coming soon in June 2023. NewspaperSG will be refreshed with a new look and user experience. Stay tuned!

Search Newspapers Browse Newspapers

I am looking for

Advanced Search



# MB Selangor ingatkan tentang kegiatan ajen2 Indonesia

Berita Harian, 24 September 1964, Page 3

Article also available on Microfilm Reel NL4320

Previous Article Next Article Previous Page Next Page

Scroll to Top

# MB Selangor ingatkan tentang kegiatan ajen2 Indonesia

KAJANG Rabu.

MENTERI Besar Selangor, Dato Harun Idris semalam telah memberi ingat tentang kegiatan orang2 yang menjadi ajen2 Indonesia untok menchuba sa-kali lagi menegakkan pemerentahan Komunis di-Malaysia, sa-telah gagal dalam dharurat pertama dahulu.

Beliau menyeru ra'ayat supaya membantu Kerajaan dalam mengawasi kegiatan2 mereka itu.

Dato Harun menyatakan ini ketika beruchap dalam upachara merasmikan pembukaan sa-buah balai raya dan sa-buah sharikat kerjasama di-Kampong Sungai Ramal Dalam semalam.

Beliau telah menyebut tentang sa-gulongan kechil orang2 China Malaysia sanggup bershubahat dengan Indonesia.

Kata-nya, sa-ramai 60 orang pemuda pemudi China dari kawasan Pontian dan Perak telah tergamak menjadi pemandu

Information

Newspaper:
Berita Harian

Date:
24 September 1964

Reel Number:
NL4320

Share

Table of Contents

< Previous Page 3 Next >

Orang2 Indonesia yang bekerja di-Sabah di-beri kemudahan2
Orang2 Indonesia yang bekerja di-Sabah di-beri kemudahan2 baik sangka kerajaan malaysia

MB Selangor ingatkan tentang kegiatan ajen2 Indonesia
MB Selangor ingatkan tentang kegiatan ajen2 Indonesia KAJANG Rabu. aiENTERI Besar Selangor, Dato Harun

Mangsa2 salah makan semboh
Mangsa2 salah makan semboh ALOR STAR, Rabu. Semua sa-kali 11 orang mangsa salah makan yang

View Full Table of Contents

gurila2 Indonesia yang menyerang negeri ini.

## Puas hati

Dato Harun berkata bahawa Chin Peng, ketua Parti Komunis Malaysia sekarang sentiasa chuba mempengarohi ra'ayat untok menyokong Sukarno menguasai negeri ini.

Kata-nya, Chin Peng melakukan ini untok kepentingan-nya sendiri juga.

Dato Harun menyatakan puas hati-nya kerana kerjasama pendudok2 dan orang2 kampong dalam daerah Labis dan Pontian di-Johor yang menggagalkan pendaratan gurila2 Indonesia.

Beliau menyeru orang2 kampong berkhidmat dalam usaha membantu dalam Pasokan2 Kawalan dalam usaha membantu Kerajaan mempertahankan negara.

## Related Articles

No related article found.




©2023 Government of Singapore
Last Updated 2019-10-29